

16 FEB 1996

Mahathir-AWSJ

DAKWAAN MAJALAH TERHADAP PERWAJA TIDAK BERASAS, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 16 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan majalah Asian Wall Street Journal (AWSJ) kononnya Perwaja Steel akan mengheret Malaysia ke dalam skandal perniagaan.

Perdana Menteri berkata dakwaan itu tidak berasas dan ia (majalah itu) tidak tahu apa-apa mengenai Perwaja.

"Mereka boleh kata apa yang mereka mahu. Saya tidak berminat dengan pendapat mereka kerana kita mengendalikan urusan kita lebih baik daripada mereka.

"Jika mereka mahu terus mendakwa, mereka boleh teruskan tetapi mereka tidak tahu apa-apa mengenai Perwaja. Kita tahu bagaimana untuk menguruskan Perwaja dan kita tidak memerlukan nasihat mereka," kata beliau kepada pemberita selepas tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan AWSJ yang menyatakan syarikat besi waja Perwaja akan menyebabkan kerajaan Malaysia terlibat dalam skandal perniagaan yang besar.

Laporan itu juga mendakwa syarikat itu tidak mampu menjelaskan hutangnya dan tidak dapat diselamatkan.

Dakwaan itu ditimbulkan oleh AWSJ dalam keluaran terbarunya bertajuk "Steel Fiasco May Rattle Malaysian Government" (Kegagalan Besar Perusahaan Keluli Mungkin Gegarkan Kerajaan Malaysia).

Ketika ditanya mengenai prestasi syarikat itu, Dr Mahathir berkata: "Kita ada beberapa masalah tetapi kita boleh menyelesaikannya.

"Sekarang yang mana satu anda mahu percaya? Anda mahu percaya majalah ini yang tidak pernah menyatakan apa juga yang baik mengenai negara ini atau anda mahu mempercayai kami," katanya.

"Kali terakhir mereka berkata ialah negara ini akan bankrap dan kini mereka berkata mengenai defisit dan Malaysia akan menjadi seperti Mexico..., kita akan lihat sama ada Malaysia akan menjadi seperti Mexico atau tidak."

Dr Mahathir juga berkata majalah dan akhbar asing pernah mendakwa Malaysia sentiasa dalam kemelut.

"Mereka mendakwa UMNO menghadapi masalah, kononnya saya sendiri (terlibat) dalam pertikaian dan banyak lagi dan anda mahu percaya mereka?

"Mereka juga mendakwa kerajaan Malaysia telah terlibat dalam hampir 500 juta kali tetapi kita masih juga wujud," kata beliau. -- BERNAMA

ZAA JK PR MAI